



LAPORAN TAHUNAN

2016

PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN

KANDUNGAN

PERUTUSAN		
Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan	2	
MAKLUMAT ORGANISASI		
• Pengenalan	4	
• Piagam Pelanggan	5	
• Visi, Misi dan Objektif	6	
• Struktur Organisasi	7	
• Carta Organisasi	8	
• Pegawai Peringkat Pengurusan	10	
• Pencapaian	11	
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN		
• Pengenalan	15	
• Fungsi Bahagian Khidmat Pengurusan	16	
• Unit Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia	17	
• Unit Pengurusan Kewangan dan Pemantauan Audit	24	
• Unit Teknologi Maklumat	27	
BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN		
• Pengenalan	33	
• Fungsi Bahagian Pengurusan Kewangan	33	
• Unit Hasil	34	
• Unit Belanjawan dan Pinjaman	42	
• Unit Perolehan dan Pengurusan Aset	47	
• Unit Analisis dan Pemantauan Pelaburan	51	
BAHAGIAN PENGURUSAN AKAUN		
• Pengenalan	53	
• Fungsi Bahagian Pengurusan Akaun	54	
• Unit Perkhidmatan dan Operasi	56	
• Unit Akaun	57	
• Unit Khidmat Perunding SPEKS	60	
GALERI		61
PENGHARGAAN		68

PERUTUSAN YANG BERHORMAT DATO' PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN



Bismillahirrahmanirrahim

*Assalamualaikum W.B.T dan
Salam Sejahtera.*

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi
Maha Penyayang.*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnianya, buku Laporan Tahunan Perbendaharaan Negeri Kelantan bagi tahun 2016 dapat diterbitkan untuk dijadikan rujukan kepada semua warga Perbendaharaan Negeri Kelantan dan organisasi kerajaan yang lain. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menyempurnakan penerbitan laporan tahunan pada tahun ini. Semoga penerbitan dokumen berharga ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai fungsi dan peranan Perbendaharaan Negeri Kelantan dalam memastikan pengurusan kewangan yang berkesan dan berhemah seterusnya dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negeri secara berterusan.

Sepanjang tahun 2016, terdapat banyak kejayaan dan kecemerlangan yang telah diraih oleh jabatan ini. Antara kejayaan yang boleh dibanggakan apabila mendapat penarafan 5 bintang bagi Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan mencapai peratusan 98.61 peratus. Pencapaian ini merupakan yang tertinggi dalam tempoh 7 tahun

PERUTUSAN YANG BERHORMAT DATO' PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN

sejak indeks akauntabiliti Pengurusan Kewangan diperkenalkan oleh Jabatan Audit Negara iaitu berada di tempat kedua selepas Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan yang mencatat peratusan 99 peratus. Kejayaan yang amat dibanggakan ini dapat dicapai dengan usaha dan komitmen berterusan semua warga kerja Perbendaharaan Negeri Kelantan yang sentiasa memastikan pengurusan kewangan jabatan yang efisien dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Selain itu kejayaan yang turut membanggakan adalah apabila Perbendaharaan Negeri Kelantan menjadi satu-satunya Jabatan Kerajaan Negeri Kelantan yang mencapai tahap cemerlang (5 bintang) bagi Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2016 dengan pencapaian 97.99 peratus. Pencapaian ini membuktikan bahawa Perbendaharaan Negeri Kelantan telah mengamalkan urus tadbir dan amalan terbaik dalam melaksanakan aspek-aspek keselamatan perlindungan.

Saya juga amat berbesar hati apabila Kerajaan Negeri Kelantan masih lagi dapat mengekalkan Sijil Bersih Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 seperti tahun-tahun sebelumnya. Saya mendoakan agar jabatan ini akan terus cemerlang pada tahun-tahun mendatang dengan mendapat lebih banyak kejayaan dan pengiktirafan dalam pengurusan kewangan lebih-lebih lagi dengan pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri yang dijangka akan bermula pada Januari 2019.

Akhir kata, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan awam yang telah memberikan komitmen dan kerjasama yang erat dalam memastikan Perbendaharaan Negeri Kelantan terus cemerlang dalam menguruskan kewangan kerajaan negeri. Semoga segala usaha dan kerjasama yang diberikan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah S.W.T.

Sekian, wassalam.



YB DATO' HAJI NIK KAZIM BIN HAJI NIK YUSOFF, D.P.S.K. (Kelantan)
Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

PENGENALAN

LATAR BELAKANG

Perbendaharaan Negeri merupakan salah sebuah Jabatan Kerajaan Negeri Kelantan. Perbendaharaan Negeri adalah Jabatan yang bertanggungjawab menetapkan dasar dan peraturan kewangan Kerajaan Negeri. Tanggungjawab ini juga termasuk mengawal selia semua Jabatan Negeri dengan memastikan segala terimaan dan bayaran dibuat mengikut peraturan kewangan. Selain itu, Perbendaharaan Negeri juga memantau dan membuat tindakan susulan terhadap Jabatan bagi memastikan rekod hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan rekod kewangan lain diselenggarakan dengan lengkap dan teratur.

Pejabat ini mempunyai visi untuk menjadikan Negeri Kelantan sebagai sebuah negeri yang kedudukan kewangannya mantap, kukuh dan mampan. Misinya pula adalah untuk menyediakan bajet berimbang dan memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa berada di tahap yang terkawal yang akan menjadikan Perbendaharaan Negeri Kelantan sebagai jabatan terbaik dari segi tadbir urus kewangan yang kemas, bersistematis dan telus dengan menitik beratkan kepada Islam sebagai teras utama.

Dasar kualiti Perbendaharaan Negeri adalah untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan dan kawalan kewangan yang cekap dan berkesan kepada semua pelanggan yang meliputi Jabatan Negeri, Agensi Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan orang awam. Perbendaharaan Negeri diketuai oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri yang merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dilantik sebagai Ex-Officio. Pelantikan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri

adalah mengikut Perkara 13 Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan.

Perbendaharaan Negeri dibahagikan kepada tiga Bahagian utama iaitu Khidmat Pengurusan, Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Akaun.

Aktiviti utama Bahagian Khidmat Pengurusan ialah menjalankan urusan pentadbiran dan operasi harian jabatan. Tiga unit telah diwujudkan di bawah aktiviti ini iaitu Unit Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia, Unit Pengurusan Kewangan dan Pemantauan Audit serta Unit Teknologi Maklumat. Manakala aktiviti utama Bahagian Pengurusan Kewangan ialah mengawal dan menyelia supaya peraturan kewangan dipatuhi oleh semua Jabatan Negeri serta bertanggungjawab menyedia bajet Kerajaan Negeri. Empat unit utama telah diwujudkan iaitu Unit Hasil, Unit Belanjawan dan Pinjaman, Unit Perolehan dan Pengurusan Aset serta Unit Analisis dan Pemantauan Pelaburan. Aktiviti utama Bahagian Pengurusan Akaun pula ialah bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan pengiraan dan perakaunan bagi semua urusan kewangan Kerajaan Negeri. Bahagian ini juga bertanggungjawab menyimpan dan menyelenggara akaun hasil dan perbelanjaan serta menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Di bawah aktiviti ini, tiga unit telah diwujudkan iaitu Unit Perkhidmatan dan Operasi, Unit Akaun dan Unit Khidmat Perunding SPEKS.

Perbendaharaan Negeri Kelantan mengamalkan tiga amalan teras iaitu "Ubudiah, Mas'uliah dan Itqan" sebagaimana yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri yang menjadi pemangkin kepada kemajuan dan kemakmuran Negeri Kelantan.

MAKLUMAT ORGANISASI

PIAGAM PELANGGAN

PERKARA	TEMPOH MASA (HARI BEKERJA)
Pengeluaran Waran Peruntukan Tahunan	1 Pada 1 Januari tahun berkenaan
Menyiapkan Penyata Kewangan Tahunan Negeri	2 Sebelum 28 Februari tahun berikutnya
Menyiapkan Bajet Tahunan Negeri	3 Sebelum 15 September tahun berkenaan
Kelulusan permohonan berbelanja	4 Tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh permohonan (lengkap) diterima
Mengembalikan deposit dan pulangan balik hasil	5 Tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh permohonan (lengkap) diterima
Kelulusan permohonan pendahuluan diri / pelbagai	6 Tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh permohonan (lengkap) diterima
Kelulusan permohonan pembiayaan kenderaan dan komputer	7 Tidak lewat daripada 30 hari (tertakluk kepada kuota)
Mengeluarkan cek bayaran / Electronic Fund Transfer (EFT)	8 Tidak lewat daripada 7 hari
Pembayaran gaji	9 Pada tarikh yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Negeri Kelantan
Setiap Pengesahan Penerimaan Aduan Awam dimaklumkan kepada pengadu	10 1 Hari Bekerja selepas aduan diterima
Setiap Aduan Awam akan diberi maklumbalas kepada pengadu mengenai tindakan yang diambil	11 7 Hari Bekerja bergantung kepada jenis aduan

VISI

Ke Arah Memantapkan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri

MISI

Menyediakan Bajet Berimbang Selaras Dengan Punca Hasil Negeri Dan Memastikan Perbelanjaan Mengurus Berada Di Tahap yang Terkawal Dengan Penggunaan Sistem Dan Teknologi Maklumat Yang Terkini

OBJEKTIF

- Meningkatkan Pendapatan Hasil Negeri dan Pungutannya
- Memperuntukkan Kewangan Yang Cukup Bagi Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti Kewangan Negeri Kelantan
- Memastikan Pengawalan Perbelanjaan dan Pungutan Hasil di Semua Jabatan Kerajaan Negeri Dilaksanakan Dengan Cekap dan Betul
- Memberi Khidmat Nasihat Berkennaan Dengan Belanjawan dan Lain-Lain Perkara Kewangan Kepada Badan-Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

STRUKTUR ORGANISASI

Pentadbiran Perbendaharaan Negeri Kelantan
Terdiri daripada 3 Bahagian :

1

Bahagian Khidmat Pengurusan

- Unit Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia
- Unit Pengurusan Kewangan dan Pemantauan Audit
- Unit Teknologi Maklumat

2

Bahagian Pengurusan Kewangan

- Unit Hasil
- Unit Belanjawan dan Pinjaman
- Unit Perolehan dan Pengurusan Aset
- Unit Analisis dan Pemantauan Pelaburan


3

Bahagian Pengurusan Akaun


- Unit Perkhidmatan dan Operasi
- Unit Akaun
- Unit Khidmat Perunding SPEKS

MAKLUMAT ORGANISASI

CARTA ORGANISASI PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN



MAKLUMAT ORGANISASI



MAKLUMAT ORGANISASI PEGAWAI PERINGKAT PENGURUSAN



**MOHAMMAD YUSOFF
B. HASSAN**
*Timbalan Pegawai
Kewangan Negeri*



**YB DATO' HJ. NIK KAZIM
B. HJ. NIK YUSOFF**
*Pegawai Kewangan
Negeri*



ROSLAN B. YAHYA
Bendahari Negeri



**SOFIAN AMIR
B. CHE SOH**
*Penolong Pegawai
Kewangan Negeri
(Hasil)*

**ZALIFAH BT.
ZULKIFLI**
*Penolong Pegawai
Kewangan Negeri
(Belanjawan & Pinjaman)*

**FATIMAH BT.
MOHD NOOR**
*Penolong Pegawai
Kewangan Negeri
(Khidmat Pengurusan)*

**WAN AZILA BT.
WAN ABDULLAH**
*Penolong Pegawai
Kewangan Negeri
(Perolehan & Aset)*

IZNAN B. ISMAIL
*Penolong
Bendahari
Negeri*

**NORSHAFINI
BT. MD. SAIDAN**
*Pegawai Teknologi
Maklumat*

MAKLUMAT ORGANISASI PENCAPAIAN




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak Pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan pada 31 Disember 2016; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
16 Mei 2017



MAKLUMAT ORGANISASI PENCAPAIAN



MAKLUMAT ORGANISASI PENCAPAIAN





BAHAGIAN KHDIMAT PENGURUSAN



PENGENALAN

Bahagian Khidmat Pengurusan diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Khidmat Pengurusan), Gred N44. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga unit utama iaitu Unit Teknologi Maklumat, Unit Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia serta Unit Pengurusan Kewangan dan Pemantauan Audit. Unit Teknologi Maklumat diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F41. Unit Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia diketuai oleh Pegawai Eksekutif Kanan, Gred N32 manakala Unit Pengurusan Kewangan dan Pemantauan Audit diketuai oleh Penolong Akauntan Kanan, Gred W32.

Bahagian Khidmat Pengurusan menjalankan fungsi-fungsi sebagaimana berikut :

- 
- i) Mengendali hal ehwal pentadbiran jabatan, mengurus hal-hal perjawatan dan perkhidmatan pegawai dan kakitangan.
 - ii) Merancang, melaksana dan mengawal perbelanjaan bajet jabatan selaras dengan dasar-dasar dan peraturan-peraturan kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan.
 - iii) Menyelia dan menyelaras teguran-teguran audit Pengurusan Kewangan dan Penyata Kewangan jabatan.
 - iv) Membangun, menyelenggara dan mengemaskini laman web jabatan.
 - v) Mengurus, menyelenggara pelaksanaan rangkaian modul SPEKS dan memastikan perkakasan sentiasa dalam keadaan optima serta memenuhi keperluan jabatan-jabatan Negeri.

FUNGSI BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Unit Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia	Unit Pengurusan Kewangan dan Pemantauan Audit	Unit Teknologi Maklumat
<p>Pentadbiran</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan pejabat dan kebersihan Pengurusan surat-menyurat dan sistem fail Pengurusan penyelenggaraan kenderaan Pengurusan penerbitan buku laporan Pengurusan kajian pelaksanaan komputer Pengurusan pelaksanaan ISO 9002 Jabatan <p>Urusetia Mesyuarat-Mesyuarat</p> <ul style="list-style-type: none"> J/kuasa Pengurusan Jabatan J/kuasa Integriti dan Tadbir Urus J/kuasa Panel Penasihat Tatatertib J/kuasa Majlis Bersama Jabatan (MBJ) J/kuasa Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) <p>Pengurusan Sumber Manusia</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan perjawatan Perkhidmatan dan kenaikan pangkat Pengurusan penyediaan rekod perkhidmatan dan cuti Pengurusan proses tindakan tatatertib Penyediaan kertas-kertas persaraan Pengurusan penyediaan penyata perubahan pendapatan Pengurusan penyediaan sokongan kenaikan gaji tahunan anggota jabatan Pengurusan penyediaan sasaran kerja tahunan dan laporan penilaian prestasi Pengurusan panel pergerakan gaji (PPG) Pengurusan pengemaskinian data maklumat HRMIS jabatan Merangka jadual program latihan/kursus 	<p>Kewangan Jabatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan penyediaan belanjawan tahunan dan peruntukan tambahan jabatan Pengurusan kawal peruntukan Jabatan Pengurusan penyeliaan pembelian peralatan dan keperluan jabatan Urusetia Jawatankuasa Pembuka Sebutharga Jabatan Pengurusan penyediaan gaji bulanan anggota jabatan Pengurusan baucar-baucar pembayaran barang, bekalan tuntutan perjalanan, eluan lebih masa dan lain-lain Pengurusan pengeluaran pesanan tempatan dan penyediaan buku vot jabatan Pengurusan kelulusan pembelian kontrak Pengurusan bekalan pengecualian <p>Audit</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan penyediaan memorandum tahunan laporan Ketua Audit Negara (KAN) dan maklumbalas jabatan-jabatan terhadap laporan Ketua Audit Negara (KAN) - Pengurusan Indeks Akauntabiliti (AI) <p>Urusetia Penyelaras</p> <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Jabatan Penyelarasan maklumbalas kewangan 	<ul style="list-style-type: none"> Menyedia, memantau dan memastikan program-program yang dirancang dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan komunikasi Perbendaharaan Negeri dilaksanakan Menyediakan spesifikasi komputer dan membuat penilaian teknikal bagi sebutharga membekal; memasang dan menyusun peralatan komputer kepada semua jabatan Kerajaan Negeri Kelantan Mengurus dan memantau pelaksanaan modul SPEKS dari segi teknikal dan memastikan sistem SPEKS berfungsi dengan baik dan boleh diakses Memastikan pemasangan sistem SPEKS di semua PTJ berjalan dengan baik dan sempurna Memastikan pelaksanaan sistem SPEKS berjalan lancar Membangunkan Sistem Aplikasi secara <i>in-house</i> Merangka, membangun, memantau, mengemaskini dan menyelenggara laman web Perbendaharaan Negeri Kelantan Menyelenggara peralatan, rangkaian, perisian serta perkakasan supaya sentiasa dalam keadaan optimum Menyelenggara dan membuat backup pangkalan data Memantau dan menilai kerja-kerja penyelenggaraan sistem aplikasi, pangkalan data dan perkakasan yang dijalankan secara berkala oleh pihak pembekal Membaikpulih peralatan komputer dan memastikan agar sentiasa berfungsi dengan baik dan diselenggara secara berkala Merancang dan memberi latihan modul-modul pembelajaran berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

UNIT PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

UNIT PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PERJAWATAN

BIL	PECAHAN PERJAWATAN	JUMLAH (ORANG)
1.	Kakitangan Tetap	61
2.	Kakitangan (Kontrak)	5
3.	Kakitangan (Berelaun)	1
4.	Kakitangan (Sambilan)	7
5.	Kakitangan (Pinjaman)	2
JUMLAH KESELURUHAN		76

LANTIKAN BARU

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH
1.	Mohd Fazuan Bin Muhamad	Pen. Peg. Teknologi Maklumat (Kontrak) Gred F29	1/9/2016
2.	Harmiziani Binti Hamzah	Penolong Akauntan (Kontrak) Gred W27	1/9/2016
3.	Shahrul Ridhuan Bin Yusoff	Pembantu Tadbir (Kewangan) (Tetap) Gred W19	18/9/2016
4.	Siti Nabilah Binti Mohamad Johar	Pembantu Tadbir (Kewangan) (Tetap) Gred W19	18/9/2016
5.	YM Engku Hanim Azlin Binti Engku Hamzah	Pembantu Akauntan (Sambilan) Gred W17	1/9/2016
6.	Ahmad Aisamuddean Bin Mohd Shukri	Pembantu Operasi (Sambilan) Gred N11	7/9/2016

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

UNIT PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PERTUKARAN

BIL	NAMA	JABATAN LAMA	JABATAN BARU	TARIKH
1.	En. Ab. Ghafar Bin Sulaiman	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kelantan	18/2/2016
2.	En. Roslan Bin Yahya	Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Terengganu	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	18/2/2016
3.	En. Muhamad Rasani Bin Ramli	Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	9/8/2016
4.	En. Muhamad Rasani Bin Ramli	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan	23/10/2016
5.	En. Nik Mohd Hasanuddin Bin Nik Hussain	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan	9/8/2016
6.	Cik Wan Azila Binti Wan Abdullah	Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	23/10/2016
7.	En. Ahmad Irfan Bin Ismail	Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	1/3/2016
8.	Pn. Zurita Binti Ishak @ Zahari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	26/1/2016
9.	Pn. Zurita Binti Ishak @ Zahari	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan	7/6/2016
10.	Pn. Nik Saibah Binti Nik Salleh	Jabatan Mufti Negeri Kelantan	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	7/6/2016
11.	Pn. Wan Azila Binti Wan Yusoff	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	28/12/2016

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

UNIT PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BIL	NAMA	JABATAN LAMA	JABATAN BARU	TARIKH
12.	En. Saiful Norhisham Bin Sanussi	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas	18/9/2016
13.	Pn. Norhanim Binti Abdullah	Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	18/9/2016
14.	Pn. Siti Nurul Ain Binti Mohd Husni	Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan	18/9/2016

PERSARAAN

BIL	NAMA	JAWATAN	TEMPOH PERKHIDMATAN DI PERBENDAHARAAN NEGERI
1.	Hj. Mohamad Norizan Bin Yaacob	Pegawai Eksekutif Kanan	16/06/2006 – 31/01/2016
2.	Pn. Wan Meriam Bt Hussin	Setiausaha Pejabat	1/05/1993 – 25/01/2016
3.	Pn. Nik Hamidah Bt Nik Ismail	Pembantu Tadbir Kanan (Kewangan)	1/04/2014 – 23/12/2016
4.	En. Zakaria Bin Dollah	Pembantu Tadbir Kanan (Kewangan)	16/8/1991 – 8/11/2016
5.	Pn. Hamidah Bt Hashim	Pembantu Tadbir (Kewangan)	1/2/2011 – 1/8/2016
6.	Pn. Melah Bt Mohamad	Pembantu Tadbir (Kewangan)	1/5/2003 – 31/8/2016
7.	En. Mohd Rosdi Bin Mohamood	Pembantu Tadbir (P/O)	1/1/2001 – 3/9/2016

MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

BIL	NAMA	JAWATAN	TEMPOH PERKHIDMATAN DI PERBENDAHARAAN NEGERI
1.	Allahyarhamah Sarimah Binti Abd Ghani	Pembantu Tadbir P/O	1/5/2006 – 14/4/2016

PENGURNIAAN BINTANG / PINGAT KEHORMATAN NEGERI

Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan yang ke-47 tahun 2016, baginda telah mengampuni perkenan mengurniakan Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri kepada kakitangan Perbendaharaan Negeri Kelantan. Mereka ialah :

BIL	NAMA	JAWATAN	PINGAT
1.	Pn. Norshafini Binti Md Saidan	Pegawai Teknologi Maklumat	A.S.K
2.	Pn. Adira Aini Binti Yusoff	Penolong Akauntan	P.S
3.	En. Mohd. Rosdi Bin Mohamood	Pembantu Tadbir (P/O)	P.S

ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG

Seramai dua (2) orang kakitangan yang telah terpilih bagi tahun 2016 untuk menerima Anugerah Khidmat Cemerlang sebagai menghargai khidmat dan sumbangan mereka kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan. iaitu :



**EN. MOHD ROSDI BIN
MOHAMOOD**
Pembantu Tadbir (P/O)



**PN. MELAH BINTI
MOHAMAD**
Pembantu Tadbir (Kewangan)

**SENARAI KURSUS / SEMINAR / BENGKEL
YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI DAN KAKITANGAN
TAHUN 2016**

BIL	NAMA KURSUS / SEMINAR / BENGKEL / MESYUARAT	TARIKH	ANJURAN
1	Seminar Pemantapan Integriti Sempena Program Peningkatan Kerjaya Pegawai Tadbir Negeri Kelantan	18/2/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
2	Kursus Pemantapan Keselamatan Perlindungan Jabatan	18/4/2016	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan
3	Lawatan Pemeriksaan Kilang Pembuat Jentera "Komatsu Bulldozer Model D155A-6"	26-30/11/2016	Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan
4	Kursus Retreat & Hand On Tatacara Pengurusan Kewangan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan	13-15/4/2016	Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
5	Persediaan Pelaksanaan Latihan 1SPEKS – CRASH COURSE	5-30/9/2016	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
6	MIA International Accountants Conference 2016	15-16/11/2016	Malaysian Institute Of Accountants
7	Taklimat Inspektorat Keselamatan Jabatan	24/3/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
8	Taklimat Kesedaran Kesihatan	3/4/2016	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan
9	Kursus Pengurusan Aduan kepada Jabatan / Agensi Kerajaan	4/4/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
10	Bengkel Pengurusan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan Tahun 2016	17/7/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
11	Seminar ICT Ketua Pegawai Maklumat (CIO) dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Kelantan	26/7/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
12	Taklimat dan Bengkel Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) kepada Agensi Kerajaan Negeri Kelantan	25/7/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
13	Seminar keluarga mawaddah peringkat Kota Bharu	25/2/2016	Urusetia Pembangunan Wanita Negeri Kelantan
14	Kursus Sijil Pentaulahan Perolehan Kerajaan	21-31/3/2016	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
15	Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan	3/8/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
16	Program Peningkatan Keterampilan Diri Sempena Karnival Wanita Anggun	14/8/2016	PUSPANITA Bahagian Kota Darulnaim

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

UNIT PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BIL	NAMA KURSUS / SEMINAR / BENGKEL / MESYUARAT	TARIKH	ANJURAN
17	Kursus Asas Perakaunan Akruan dan Pengenalan kepada MPSAS	10/5/2016	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan
18	Mesyuarat dan Taklimat Training & Transfer Of Technology Bagi Perkakasan dan Perisian 1SPEKS Bil 1/2016	15-21/5/2016	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
19	Mesyuarat dan Taklimat Training & Transfer Of Technology Bagi Perkakasan dan Perisian 1SPEKS Bil 2/2016	24-30/7/2016	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
20	Kursus Istiadat dan Protokol Negeri Kelantan	21/3/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
21	Taklimat pelaksanaan sistem bayaran pukal Waran Perjalanan Udara (MALINDO)	19/1/2016	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan
22	Bengkel mengemaskini Data Aset Alih (Peralatan) sempena Akruan	22-24/2/2016	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan
23	Taklimat Tatacara Pengendalian Rekupmen / Akaun Transit Panjar Wang Runcit secara EFT	29/2/2016	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan
24	Taklimat Perkhidmatan Touch N Go untuk jabatan negeri	23/5/2016	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan
25	Kursus Penyata Penyesuaian Bank bagi Pejabat Kewangan / Bendahari Negeri	20-21/4/2016	Institut Perakaunan Negara Jabatan Akauntan Malaysia
26	Pembentangan Pengumpulan Data Train The Trainers Run 2 Part B Bagi 11 Kerajaan Negeri	10-11/8/2016	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
27	Kursus pemantapan kriteria 2K Naziran I peringkat agensi negeri siri 1	26-28/1/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
28	Bengkel Pentadbir HRMIS Bil. 1 Tahun 2016	14/4/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
29	Program Jelajah HRMIS Peringkat Zon Timur	22/8/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
30	Program Hari Psikologi Perkhidmatan Awam	17/11/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
31	Mesyuarat dan Taklimat Training & Transfer Of Technology Bagi Perkakasan dan Perisian 1SPEKS Bil 3/2016	29/5-6/6/2016	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
32	Kursus ISO / IEC 270001:2013 Kesedaran	19/1/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
33	Kursus ISO / IEC 270001:2013 Audit Dalam	20-21/1/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
34	Kursus Merekabentuk Grafik Adobe Illustrator Tahap 2	14-15/2/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
35	Taklimat PROBE 2016 Briefing Session Zon Timur	22/2/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
UNIT PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BIL	NAMA KURSUS / SEMINAR / BENGKEL / MESYUARAT	TARIKH	ANJURAN
36	Kursus Adobe Dreamweaver Building A Data Driver Apps	20-23/3/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
37	Bengkel Hand On Webmaster	28-30/3/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
38	Program Kesedaran dan Latihan (IPVG Outreach Program)	31/10-3/11/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
39	Kursus Coaching Pengurusan Dokumen / Fail Terperingkat	14/11/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
40	Wacana Pendidikan Fatwa	9/5/2016	Urusetia Pembangunan Wanita Negeri Kelantan
41	Seminar Pembangunan Sahsiah Berintegriti	21/11/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
42	Program Ceramah UMI Perdana	15/5/2016	Urusetia Pembangunan Wanita Negeri Kelantan
43	Seminar Pengenalan Rawatan Islam bersama Timbalan Mufti	7/12/2016	Jabatan Mufti Negeri Kelantan
44	Seminar Indahnya Menangani Stress	25/2/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
45	Program Solat Hajat dan Tadarus Perdana Wanita Peringkat Negeri Kelantan	13/6/2016	Urusetia Pembangunan Wanita Negeri Kelantan
46	Majlis Sambutan Hari Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan	26/10/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
47	Kursus Kecemerlangan Kerjaya Dan Keluarga	31/3/2016	Urusetia Pembangunan Wanita Negeri Kelantan
48	Taklimat Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) Air Asia bagi Negeri Kelantan	17/10/2016	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan
49	Seminar Menjana Pemikiran Kreatif	22/11/2016	Intan Wilayah Timur
50	Persidangan dan Pelancaran Pusat Sumber Sayyidatina Hafsa	16/8/2016	Urusetia Pembangunan Wanita Negeri Kelantan
51	Ceramah Peristiwa Israk Mikraj Peringkat Negeri Kelantan	4/5/2016	Urusetia Pembangunan Wanita Negeri Kelantan
52	Program Ceramah UMI Perdana	15/5/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
53	Kursus Asas Pengurusan Kewangan di IPN Sabak Bernam	29-30/3/2016	Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam
54	Bengkel Modul Pengurusan Cuti dan Penamatan Perkhidmatan kepada Pentadbir HRMIS	4/5/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
55	Kursus Fail dan Rekod	25/7/2016	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

UNIT PENGURUSAN KEWANGAN & PEMANTAUAN AUDIT

UNIT PENGURUSAN KEWANGAN & PEMANTAUAN AUDIT

PENGURUSAN BAJET

A. Laporan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Sehingga 31 Disember 2016

OBJEK SEBAGAI	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	TAMBAHAN/ KURANGAN PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	JUMLAH TANGGUNGAN (RM)	BAKI SELEPAS PERBELANJAAN SEBENAR & TANGGUNGAN	
						(RM)	(%)
10000	3,990,030.00	2,013,790.00	6,003,820.00	5,196,019.61	0.00	807,800.39	13.45
20000	1,227,600.00	648,500.00	1,876,100.00	1,582,122.15	0.00	293,977.85	15.67
30000	6,075,030.00	(424,990.00)	5,650,040.00	4,467,347.20	0.00	1,182,692.80	20.93
40000	94,095,000.00	19,469,000.00	113,564,000.00	109,542,337.42	0.00	4,021,662.58	3.54
50000	500.00	0.00	500.00	340.00	0.00	160.00	32.00
JUMLAH	105,388,160.00	21,706,300.00	127,094,460.00	120,788,166.38	0.00	6,306,293.62	4.96

B. Laporan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan sehingga 31 Disember 2016

OBJEK SEBAGAI	PERUNTUKAN/ PINJAMAN DILULUSKAN (RM)	TAMBAHAN/ KURANGAN PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	JUMLAH TANGGUNGAN (RM)	BAKI SELEPAS PERBELANJAAN SEBENAR & TANGGUNGAN	
						(RM)	(%)
25108	4,000,000.00	0.00	4,000,000.00	4,000,000.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH	4,000,000.00	0.00	4,000,000.00	4,000,000.00	0.00	0.00	0.00

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
UNIT PENGURUSAN KEWANGAN & PEMANTAUAN AUDIT

KUMPULAN WANG AMANAH SEKSYEN 9

KUMPULAN WANG AMANAH	BAKI PADA 1 JAN 2016 (RM)	TERIMAAN KEMASKINI SEHINGGA 31 DIS 2016 (RM)	PERBELANJAAN KEMASKINI SEHINGGA 31 DIS 2016 (RM)	BAKI KEMASKINI SEHINGGA 31 DIS 2016 (RM)
Akaun Dana Khas Kerajaan Persekutuan Tahun 2007 (61021)	179,486.80	0.00	0.00	179,486.80
Akaun Amanah Cakna Palestin (61023)	42,068.96	135,850.00	70,000.00	107,918.96
Akaun Amanah Pengurusan SPEKS (61013)	266,345.03	0.00	0.00	266,345.03
Akaun Amanah Projek Penubuhan Kilang Kenaf dan Pemprosesan Ubi Keledek (61020)	3,529,568.43	0.00	0.00	3,529,568.43
Tabung Amanah Bencana Banjir Negeri Kelantan (60107)	9,588,684.18	182,155.21	3,128,858.90	6,641,980.45
Tabung Amanah Pendidikan Negeri Kelantan (60106)	69,822.50	2,083,709.00	892,540.63	1,260,990.87


KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN SEKSYEN 10

KUMPULAN WANG AMANAH	PERUNTUKAN ASAL DILULUSKAN (RM)	BAKI PADA 1 JAN 2016 (RM)	TERIMAAN KEMASKINI SEHINGGA 31 DIS 2016 (RM)	PERBELANJAAN KEMASKINI SEHINGGA 31 DIS 2016 (RM)	BAKI KEMASKINI SEHINGGA 31 DIS 2016 (RM)
Perumahan ADUN (53020/53021)	5,000,000.00	1,892,730.29	387,074.07	144,639.97	2,135,164.39
Kenderaan (53100/53101)	9,000,000.00	2,758,153.65	1,886,105.26	1,510,749.12	3,133,509.79
Pendahuluan Diri (53200/53201)	500,000.00	415,587.44	63,545.57	81,384.53	397,748.48
Pendahuluan Pelbagai (53203)	1,500,000.00	1,485,000.00	2,274,334.31	2,590,142.06	1,169,192.25
Komputer (53500/53501)	1,500,000.00	1,222,141.27	192,091.26	149,433.84	1,264,798.69
Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri (50002)	0.00	575,194,589.14	203,945,979.30	176,669,788.79	602,470,779.02


PENGURUSAN ASET ALIH SEHINGGA 31 DISEMBER 2016

TAHUN SEMASA	KEDUDUKAN HARTA MODAL		KEDUDUKAN INVENTORI	
	BIL. KEW. PA 2	NILAI PEROLEHAN (RM)	BIL. KEW. PA 3	NILAI PEROLEHAN (RM)
Suku Tahun Pertama	2	53,600.00	0	0.00
Suku Tahun Kedua	23	233,643.00	8	1,659.00
Suku Tahun Ketiga	13	109,166.00	0	0.00
Suku Tahun Keempat	14	36,174.00	0	0.00
Baki Akhir Tahun	52	432,583.00	8	1,659.00

PEMBELIAN HARTA MODAL



PEMBELIAN INVENTORI



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Laman Web Rasmi
Perbendaharaan Negeri Kelantan

search...

PROFIL MAKLAMAT AM SUMBER DATA TERBUKA E-PENYERTAAN SOALAN LAZIM HUBUNGI KAMI

Terkini : Majlis Penyerahan Penyata Kewangan Negeri Kelantan Tahun 2016

APLIKASI SEMAKAN BAUCAR
muat turun secara percuma


BERITA POPULAR

- Majlis Perhimpunan Warga Perbendaharaan Kali Ke-3/2016
- Perbarisan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan
- Taklimat Sempena Lawatan PTN Lantikan 2016
- Entrance Conference Pengauditian Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
- Mesyuarat Integrasi 1SPEKS Khusus Untuk Agensi Negeri (Zon Pantai Timur)

Hebatnya	Perolehan
<ul style="list-style-type: none">Surat Pekeliling Bil 01/2017 New!Pekeliling Kontrak Bil 03 Tahun 2017 New!Format Lampiran & Pekeliling Perbendaharaan Bagi Permohonan Kelulusan BerbelanjaPekeliling Perbendaharaan Negeri 01/2017	

Unit Teknologi Maklumat diketuai oleh seorang Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41. Unit ini ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan Sistem Perakaunan Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) berjalan dengan lancar dan dapat digunakan sepenuhnya mengikut peraturan/prosedur kewangan yang ditetapkan. Unit ini juga bertanggungjawab terhadap pembangunan aplikasi secara in-house dan laman web jabatan serta memastikan ianya sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa. Selain daripada itu, Unit ini berfungsi dalam merancang dan memberi latihan berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

STRUKTUR RANGKAIAN SPEKS NEGERI KELANTAN



Gambarajah Rangkaian SPEKS Negeri Kelantan

**LAPORAN AKTIVITI
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT TAHUN 2016**

BIL	AKTIVITI / KURSUS / SEMINAR / BENGKEL	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Laman Web/Portal Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 1/2016	02/2/2016
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 1/2016	03/2/2016
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan ICT Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 1/2016	03/2/2016
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Laman Web/Portal Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 1/2016	03/2/2016
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Laman Web/Portal Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 1/2016	29/2/2016
6.	Aktiviti Penghantaran dan Pemasangan Uninterruptible Power Supply (UPS) di Perbendaharaan Negeri Kelantan	01/3/2016
7.	Aktiviti Penghantaran dan Pemasangan Perkakasan dan Perisian 1SPEKS di Perbendaharaan Negeri Kelantan	10/3/2016
8.	Aktiviti Konfigurasi Perkakasan dan Perisian 1SPEKS di Perbendaharaan Negeri Kelantan	13 - 15/3/2016
9.	Aktiviti Pengujian User Acceptance Test (UAT) Perkakasan dan Perisian 1SPEKS di Perbendaharaan Negeri Kelantan	16 - 17/3/2016
10.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Laman Web/Portal Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 2/2016	10/5/2016
11.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Laman Web/Portal Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 2/2016	31/5/2016
12.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 2/2016	09/6/2016
13.	Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan ICT Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 2/2016	09/6/2016
14.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Laman Web/Portal Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 2/2016	09/6/2016
15.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Laman Web/Portal Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 3/2016	28/8/2016
16.	Aktiviti Setup dan Konfigurasi Perkakasan dan Perisian 1SPEKS di Perbendaharaan Negeri Kelantan	04 - 06/9/2016
17.	Aktiviti Final Acceptance Test (FAT) Perkakasan dan Perisian 1SPEKS di Perbendaharaan Negeri Kelantan	07/9/2016
18.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Laman Web/Portal Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 3/2016	20/9/2016
19.	Mesyuarat Integrasi 1SPEKS Khusus Untuk Agensi Negeri (Zon Pantai Timur)	28/11/2016
20.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Laman Web/Portal Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 4/2016	21/12/2016
21.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Laman Web/Portal Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan Bil. 4/2016	26/12/2016

GAMBAR AKTIVITI

AKTIVITI FINAL ACCEPTANCE TEST (FAT) PERKAKASAN DAN PERISIAN 1SPEKS

Di Perbendaharaan Negeri Kelantan

Bilik Mesyuarat Utama, Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan

07 September 2016 Bersamaan 05 Zulhijjah 1437H



GAMBAR AKTIVITI

**MESYUARAT INTEGRASI 1SPEKS KHUSUS UNTUK AGENSI NEGERI
(ZON PANTAI TIMUR)**

Bilik Gerakan Negeri Kompleks Kota Darulnaim
28 November 2016 Bersamaan 28 Safar 1437H





BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN

PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Kewangan diketuai oleh Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan & Pinjaman), Gred N52. Bahagian ini terdiri daripada empat (4) unit iaitu Unit Hasil, Unit Belanjawan dan Pinjaman, Unit Perolehan dan Pengurusan Aset, dan Unit Analisis dan Pemantauan Pelaburan.

Unit Perolehan dan Pengurusan Aset diketuai oleh Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Perolehan dan Pengurusan Aset), Gred N48. Unit Analisis dan Pemantauan Pelaburan diketuai oleh Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Analisis dan Pemantauan Pelaburan), Gred N48/W48/E48. Manakala Unit Hasil diketuai oleh Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil), Gred N44.

FUNGSI BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN

- Merangka anggaran belanjawan hasil dan perbelanjaan tahunan Negeri dan memastikan kawalan belanjawan yang teguh di agensi-agensi Kerajaan Negeri.
- Menyemak dan menimbangkan permohonan pindah peruntukan dan peruntukan tambahan jabatan negeri.
- Mengesan dan menyelaras kedudukan pinjaman Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.
- Mengendali urusan pembiayaan kenderaan, komputer, pendahuluan diri/pelbagai kepada pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dan Perumahan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).
- Menyelia pengurusan hasil Jabatan dan agensi, dan mengkaji untuk meningkatkan kutipan hasil/hasil baru Kerajaan Negeri.
- Mengurus dan menguatkuasa Akta Duti Hiburan 1953.
- Mengurus setiap urusan perolehan dan aset jabatan Negeri, pelantikan perunding, pelupusan dan hapuskira aset.
- Mengurus perolehan Kontrak Pusat Negeri.
- Merancang, mengawal, mengkaji dan memantau pelaburan bagi pelaburan negeri dan anak syarikat Kerajaan Negeri.

UNIT HASIL

FUNGSI

- Menyelaras dan memantau kutipan hasil negeri.
- Merancang usaha-usaha untuk meningkatkan hasil negeri.
- Mencari sumber baru hasil negeri.
- Menyediakan penyata dan laporan kewangan hasil.

AKTIVITI

1. Urusetia Kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Hasil Negeri Kelantan Bagi Setiap Sukuan Tahun

- i. Memantau prestasi hasil oleh semua jabatan negeri.
- ii. Menyelaras strategi kutipan hasil oleh semua jabatan negeri.
- iii. Membincangkan permasalahan dalam melaksanakan kutipan hasil dan cara-cara mengatasinya.
- iv. Membincangkan keberkesanan kutipan hasil oleh semua jabatan negeri.
- v. Membincangkan cara menangani tunggakan hasil oleh semua jabatan negeri.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Hasil Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri bagi setiap suku tahun telah dilaksanakan sebagaimana berikut:-

Suku Tahun Pertama	:	26 April 2016
Suku Tahun Kedua	:	01 Ogos 2016
Suku Tahun Ketiga	:	06 November 2016
Suku Tahun Keempat	:	02 Februari 2017

2. Urusetia Kepada Mesyuarat Jawatankuasa Hasil Negeri Kelantan

- i. Menyedia dan menyelaras dengan semua jabatan negeri untuk penyediaan kertas cadangan punca hasil baru Negeri Kelantan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hasil Negeri Kelantan.
- ii. Mengangkat kertas cadangan punca hasil baru negeri yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hasil Negeri Kelantan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

Mesyuarat Jawatankuasa Hasil Negeri Kelantan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan (Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Perancangan Ekonomi, Pelaburan dan Kewangan) dan telah bersidang pada 8 Januari 2016.

3. Urusetia Kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pengurusan Kewangan dan Akaun Jabatan-Jabatan Negeri Kelantan Bagi Setiap Suku Tahun

- i. Memastikan prosedur-prosedur kewangan dipatuhi oleh semua jabatan negeri dengan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pengurusan Kewangan dan Akaun di jabatan masing-masing setiap suku tahun.
- ii. Perbincangan mengenai prestasi perbelanjaan mengurus Bekalan, Tanggungan dan Pembangunan oleh semua jabatan negeri.
- iii. Membincangkan permasalahan yang timbul di semua jabatan negeri berhubung dengan pematuhan prosedur-prosedur kewangan yang harus dipatuhi seperti menyediakan penyata penyesuaian, laporan suku tahun, senarai baki deposit setiap suku tahun serta tatacara pengurusan kewangan yang berkaitan.
- iv. Membincangkan cadangan penambahbaikan di dalam pengurusan kewangan semua jabatan negeri.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pengurusan Kewangan dan Akaun Jabatan-Jabatan Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri setiap suku tahun telah dilaksanakan sebagaimana berikut:-

Suku Tahun Pertama : 26 April 2016
Suku Tahun Kedua : 01 Ogos 2016
Suku Tahun Ketiga : 06 November 2016
Suku Tahun Keempat : 02 Februari 2017

4. Urusetia Kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pendaftaran Malaysia Road Records Information System (MARRIS) Secara "On-line"

- i. Ahli-ahli jawatankuasa adalah terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan Negeri yang terlibat, Pengarah Pembangunan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- ii. Memantau pengemaskinian rekod pendaftaran "MARRIS On-line" jalan-jalan negeri oleh ahli-ahli mesyuarat.
- iii. Membincangkan permasalahan dan penyelesaian untuk penambahan panjang jalan-jalan negeri yang didaftarkan di dalam "MARRIS On-line" oleh ahli-ahli mesyuarat.
- iv. Bertanggungjawab ke atas permohonan penyelarasan jalan-jalan negeri oleh ahli-ahli mesyuarat.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pendaftaran "MARRIS On-line" yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri telah diadakan sebagaimana berikut :-

Bil. 1/2016 : 23 Mei 2016
Bil. 2/2016 : 21 Disember 2016

Sepanjang 20,021.220 kilometer jalan negeri telah didaftarkan oleh jabatan-jabatan negeri yang terlibat dan PBT bagi tempoh sehingga 31 Disember 2016.

5. Urusetia Kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (KAPJN)

- i. Jawatankuasa KAPJN adalah terdiri daripada Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri (Pengerusi), Timbalan Pegawai Kewangan Negeri, Bendahari Negeri, Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri dan Pengarah Pembangunan Negeri.
- ii. Membincangkan tatacara pengurusan peruntukan KAPJN adalah mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
- iii. Membincang dan menimbang permohonan daripada agensi-agensi pelaksana untuk menggunakan peruntukan KAPJN.
- iv. Memantau laporan perbelanjaan peruntukan KAPJN oleh agensi-agensi pelaksana.
- v. Membuat apa-apa keputusan tentang perkara yang melibatkan KAPJN.

Mesyuarat Jawatankuasa KAPJN telah diadakan sebanyak 3 kali dalam tahun 2016 iaitu pada :-

Bil. 1/2016	: 03 Januari 2016
Bil. 2/2016	: 24 Mei 2016
Bil. 3/2016	: 09 November 2016

**Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah
 Penyelenggaraan Jalan Negeri (KAPJN) Tahun 2016**

PERUNTUKAN KEPADA AGENSI	PERBELANJAAN	PERATUS PERBELANJAAN
Jabatan Kerja Raya Negeri	118,000,000.00	114,845,778.90
Pihak Berkuasa Tempatan	30,000,000.00	29,990,085.46
Pej. Pembangunan Negeri	32,000,000.00	31,833,924.43
JUMLAH	180,000,000.00	176,669,788.79
		98.15%

KAEDAH PENYALURAN GERAN KAPJN KEPADA AGENSI

Geran Diterima Daripada Kerajaan Pusat

Disalurkan
Kepada

Jabatan Kerja Raya Negeri
untuk jalan-jalan di bawah
seliaannya

Pihak Berkuasa Tempatan untuk
jalan-jalan Majlis Daerah

Pejabat Pembangunan Negeri
untuk jalan-jalan seliaan Pejabat
Tanah dan Jajahan

Kutipan Hasil Utama Bagi Tahun 2016

BIL	JENIS HASIL	KUTIPAN (JUTA RM)
1	Premium Tanah	75,209,137.43
2	Premium Perhutanan	41,340,783.80
3	Cukai Tanah	36,398,638.65
4	Bayaran Jabatan Hutan	24,314,221.80
5	Royalti Kayu Kayan	22,961,283.08
6	Royalti Emas	22,112,831.63
7	Jualan Pengeluaran Kuari	15,778,244.13
8	Bayaran Pindah Milik	7,350,060.49
9	Royalti Batu Batan	7,327,354.66
10	Bayaran Pendaftaran	7,108,999.20
11	Tunggakan Cukai Tanah	6,137,892.34
12	Bayaran Gadaian	5,090,092.86
13	Royalti Air	4,379,804.00
14	Bayaran Pindah Milik	4,253,720.00
15	Notis dan Denda Lewat Bayaran Cukai Tanah	4,236,682.29
16	Roayalti Mangenese	3,444,671.50
17	Denda Mahkamah Syariah (Jenayah)	3,050,376.95
18	Bayaran Perkhidmatan Nikah Cerai Islam	2,768,724.00
19	Bayaran Pembebasan Hutan Simpan	2,754,000.00
20	Tribute Konsesi Hutan	2,731,573.79
JUMLAH		298,749,092.60

6. Pengurusan Cukai Hiburan

Unit Hasil di Perbendaharaan Negeri Kelantan juga bertanggungjawab mengurus, memungut dan menerima bayaran semua cukai yang dikenakan dan juga penguatkuasaan cukai hiburan di semua jajahan negeri di Negeri Kelantan.

Kutipan hasil cukai daripada program hiburan atau pertunjukan bertiket bagi semua jajahan sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut :-

JENIS PERMAINAN / PERTUNJUKKAN	BILANGAN	CUKAI DIPUNGUT (RM)
Boxing / Tomoi / Muay Thai	51	85,070.00
Dikir Barat	1	170.00
Amazing Rider 7d Cinema / Motion Adventure 9d	1	605.00
JUMLAH		85,845.00

Peraturan Dan Sumber Rujukan Akta / Enakmen :

- i. Akta Duti Hiburan 1953 pindaan 1991
- ii. Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998
- iii. Pekeliling Am Negeri Bil. 4 Tahun 2003 – Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003
- iv. Pekeliling Am Negeri Bil. 5 Tahun 2003 – Garis Panduan Persembahan Wayang Kulit

7. Bayaran Lesen Minuman Keras

Sebanyak 14 permis perniagaan untuk menjual / menyimpan minuman keras telah diluluskan operasi oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. 14 bayaran lesen dibuat dengan kutipan sebanyak RM6,720.00.

8. Bayaran Lesen Membeli Emas Mentah

Hanya 6 permohonan diluluskan untuk memperbaharui lesen membeli emas mentah di dalam tahun 2016 iaitu dengan kutipan RM1,200.00

9. Deposit Membeli Emas Mentah

Sebanyak 7 pendeposit yang masih aktif untuk menjalankan urus niaga membeli emas mentah di dalam tahun 2016 yang mana jumlah deposit terkumpul adalah sebanyak RM27,900.00.

10. Lain-Lain Urusan Dan Terimaan / Bayaran

Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab menguruskan terimaan bayaran / kutipan bayaran balik pinjaman kenderaan, komputer, pendahuluan diri, penjualan borang-borang dan lain-lain bayaran penyelarasana sama ada melalui cek ataupun tunai.

Bagi menentukan kutipan yang diterima itu dimasukkan ke bank dengan segera, satu daftar penerimaan tunai / cek dan juga penyata pemungut telah disediakan serta diselenggara dengan baik dan teratur.

Komitmen unit ini adalah untuk menentukan supaya hasil dapat dipungut dan diselia dengan baik sebagaimana yang dikehendaki dan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Arahan Perbendaharaan, Pekeliling-pekeliling, Enakmen dan peraturan-peraturan lain yang terpakai yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

UNIT BELANJAWAN DAN PINJAMAN

FUNGSI

1. Menyediakan surat pekeliling belanjawan tahunan.
2. Membuat pemeriksaan dan memperakukan perbelanjaan-perbelanjaan tahunan bagi Perbelanjaan Mengurus, Pembangunan dan Hasil jabatan-jabatan Negeri.
3. Mengurus dan menyediakan proses penyediaan belanjawan tahunan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Dewan Negeri serta Buku Belanjawan / Bajet Tahunan.
4. Memperakukan permohonan peruntukan baru, peruntukan tambahan dan pindah peruntukan serta menyediakan kertas-kertas Mesyuarat Kerajaan dan Dewan Negeri.
5. Menyelia pengeluaran semua waran.
6. Mengkaji, menyelia dan memperakukan permohonan perjawatan dari agensi-agensi serta menganggotai Jawatankuasa Naziran Perjawatan Negeri.
7. Menyelia pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan dan Pinjaman Kerajaan Negeri kepada Badan-Badan Berkanun.
8. Menguruskan Permohonan Jabatan-Jabatan Negeri mengenai :
 - Pengurusan kelulusan permohonan pinjaman kenderaan dan komputer kepada pegawai dan kakitangan Negeri dan perumahan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).
 - Pengurusan kelulusan Permohonan Pendahuluan Pelbagai & Pendahuluan Diri.



AKTIVITI

1. PENYEDIAAN BAJET

- Penyediaan bajet untuk tahun kewangan 2016 telah disediakan oleh unit ini sejak bulan Januari 2015 di mana setiap Jabatan Negeri diminta untuk menghantar Anggaran Bajet Jabatan sebelum 31 Mac 2015. Pada bulan Jun 2015, Mesyuarat Pemeriksaan Bajet dengan semua jabatan diadakan bagi menyemak dan mengesahkan anggaran tersebut untuk diluluskan di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bulan November 2015.
- Bagi tahun 2015 Anggaran Hasil Negeri adalah sebanyak RM 530,828,120.00 dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM 601,514,700.00.
- Ini menjadikan belanjawan sebenar Negeri Kelantan bagi tahun 2015 adalah belanjawan defisit (Hasil kurang daripada Perbelanjaan) sebanyak RM85,748,531.45 berbanding belanjawan pada tahun 2014 sebanyak RM50,468,221.64.
- Bagi tahun 2016 Persidangan Dewan Undangan Negeri Kali Ketiga (Belanjawaan) Bagi Tempoh Penggal Yang Ketiga Tahun 2015 yang bersidang pada 2 hingga 5 November 2015 telah meluluskan Anggaran Hasil sebanyak RM593,800,310.00, Perbelanjaan Mengurus RM639,408,443.00 dan Perbelanjaan Pembangunan (Negeri dan Pinjaman) berjumlah RM 277,218,070.00

BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN

UNIT BELANJAWAN DAN PINJAMAN

C. PENYATA AKAUN HASIL DISATUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

PERHAL	BELANJAWAN RM	2016		2015	
		SEBENAR RM	BELAJAWAN %	SEBENAR RM	BELAJAWAN %
BAKI PADA 1 JANUARI		(722,118,472.94)		(636,369,941.49)	
C1 HASIL					
Hasil Cukai	163,490,030.00	107,161,498.33	65.55	85,393,327.17	49.35
Hasil Bukan Cukai	289,449,490.00	218,165,695.44	75.37	141,405,972.77	63.64
Terimaan Bukan Hasil	140,860,790.00	171,877,489.03	122.02	160,417,686.24	118.33
Jumlah Hasil	593,800,310.00	497,204,682.80	83.73	387,216,986.18	72.95
C2 PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	187,961,816.17	172,982,124.18	92.03	168,896,255.16	93.58
Perkhidmatan dan Bekalan	128,248,116.83	116,629,295.38	90.94	100,408,080.06	93.73
Aset	17,369,301.00	14,396,795.50	82.89	13,683,842.51	81.11
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	352,087,649.00	225,866,148.12	64.15	189,554,895.10	59.24
Perbelanjaan Lain	2,210,510.00	804,399.82	36.39	422,444.80	20.75
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	687,877,393.00	530,678,763.00	77.15	472,965,517.63	75.49
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun (C1-C2)	(94,077,083.00)	(33,474,080.20)		(85,748,531.45)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		(755,592,553.14)		(722,118,472.94)	

2. PENGURUSAN PINJAMAN

- i. Unit ini berperanan untuk mengendalikan urusan pinjaman daripada Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan dan juga pinjaman dari Agensi- Agensi Negeri seperti Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- ii. Unit ini juga berperanan untuk menguruskan proses kelulusan pinjaman permohonan pinjaman kereta, motorsikal dan komputer daripada kakitangan perkhidmatan awam.

JUMLAH PINJAMAN KERAJAAN NEGERI DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2016

BIL	PROJEK	JUMLAH DIBENARKAN (RM)	BAKI PINJAMAN PADA 01/01/2016 (RM)	BAYARAN BALIK DALAM TAHUN 2016 DIMODALKAN (RM)	BAKI PINJAMAN PADA 31/12/2016 (RM)
1	Pinjaman Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	560,435,152.00	262,804,330.65	1,934,113.02	260,870,217.63
2	Pinjaman Projek Perumahan Awam Kos Rendah	153,443,735.36	59,971,018.87	875,848.22	59,095,170.65
3	Pinjaman Projek-Projek Sektor Pelbagai	276,264,028.48	194,602,767.18	763,972.35	193,838,794.83
4	Pinjaman Projek Bekalan Air Oleh Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB)	863,592,293.00	767,301,844.66	0.00	796,473,760.66
5	Pinjaman Bank Pembangunan Asia (ADB)	28,473,011.71	25,131,965.09	329,057.68	24,818,671.76
6	Pembinaan Istana Negeri Kelantan (Lembah Sireh) Di Atas Lot PT 246, Seksyen 17, Bandar Kota Bharu	87,000,000.00	45,000,000.00	0.00	61,265,143.00
JUMLAH BESAR		1,969,208,220.55	1,354,811,926.45	3,902,991.27	1,396,361,758.53

BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN
UNIT BELANJAWAN DAN PINJAMAN

**SENARAI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT DARIPADA
 BADAN-BADAN BERKANUN, PIHK BERKUASA TEMPATAN DAN
 SYARIKAT SEHINGGA 31 DISEMBER 2016**

BIL	PERKARA	JUMLAH PINJAMAN POKOK / FAEDAH DIMODALKAN (RM)	JUMLAH ANUITI/ TEMPOH BAYARAN (RM)	BAYARAN TAHUN 2016 (RM)	PINJAMAN DIBERI TAHUN 2016 (RM)	BAKI POKOK TAHUN 2016 (RM)
i	Jumlah Badan Berkanun	368,092,602.35	9,915,556.00	14,356,013.42	4,025,005.20	212,488,985.01
ii	Jumlah Pihak Berkua Tempatan	25,133,224.78	1,228,407.55	1,201,557.55	0.00	15,850,283.79
iii	Jumlah Syarikat	845,692,293.00	30,485,122.74	0.00	30,531,637.00	797,301,844.66
JUMLAH BESAR		1,238,918,120.13	41,629,086.29	15,557,570.97	34,556,642.20	1,025,641,113.46

**KELULUSAN PEMBIAYAAN PINJAMAN KENDERAAN DAN KOMPUTER
 TAHUN 2016**

BIL	PERKARA	JUMLAH BILANGAN PERMOHONAN YANG DILULUSKAN	JUMLAH NILAI PERMOHONAN YANG DILULUSKAN (RM)
1.	Pinjaman Komputer	49	147,000.00
2.	Pinjaman Motosikal	37	179,500.00
3.	Pinjaman Kereta	21	1,207,000.00
Jumlah		107	1,533,500.00

UNIT PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET

FUNGSI

- Memastikan tatacara perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan di semua Jabatan Negeri adalah mematuhi pekeliling kontrak yang berkaitan.
- Menguruskan proses permohonan pengecualian tatacara perolehan kerja, bekalan atau perkhidmatan.
- Bertanggungjawab menjalankan penyiasatan sekiranya perlu ke atas Jabatan Negeri bagi maksud menguruskan perolehan, penyimpanan, pembahagian, penggunaan dan pemindahan antara Jabatan secara cekap dan berkesan.
- Menguruskan proses perolehan kontrak pusat Negeri bagi item percetakan, komputer, perabot dan lain-lain (jika diarah) pada setiap tahun.
- Bertanggungjawab memastikan pekeliling berkaitan dengan Kontrak Pusat Negeri dapat dikeluarkan sebelum 15 Januari tahun berikutnya.
- Memastikan pengurusan aset di setiap Jabatan Negeri adalah mematuhi pekeliling yang berkuatkuasa.
- Bertanggungjawab memproses permohonan kelulusan setiap pembelian di bawah kepala 30000 (aset) bagi semua Jabatan Negeri tanpa mengira jumlah harga setiap item.
- Mengadakan mesyuarat pengurusan aset alih peringkat Negeri sekurang-kurangnya sekali setahun.
- Mendapatkan dan mengemaskini rekod pengurusan aset alih tahunan dari semua Jabatan Negeri Kelantan pada setiap sebelum 15 Mac tahun berikutnya.
- Menguruskan Permohonan Jabatan-Jabatan Negeri mengenai :
 - Pengurusan kelulusan permohonan pelupusan / hapuskira
 - Pengurusan kelulusan permohonan pembelian luar kontrak
 - Pengurusan kelulusan permohonan pengecualian tender / sebutharga
- Unit ini juga berperanan untuk mengendalikan kelulusan berbelanja yang melebihi RM10,000.00.

AKTIVITI

1. PENGURUSAN PEROLEHAN

Pada tahun 2016 sebanyak 3 sebutharga (Komputer, Perabot dan Bahan Percetakan) telah berjaya dibuat dan keputusan pemilihan sebutharga adalah sebagaimana berikut :

BAHAN PERCETAKAN

Sebanyak 61 item percetakan telah dipilih sebagai item kontrak pusat dan pembekal kontrak pusat yang disenaraikan adalah :

1. Penerbitan Dan Percetakan JM
2. Al Kahfi Enterprise
3. A & D Printing And Stationery Co. Sdn. Bhd.
4. Uni Press
5. Azkia Trading
6. Touch Jet Enterprise
7. Percetakan Nasional (M) Bhd.
8. Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
9. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
10. Aspirasi Cendana

Pekeling Kontrak Pusat Perbendaharaan Negeri Bil. 2/2016 bagi merekabentuk, membuat, mencetak dan membekal bahan-bahan percetakan kepada semua Jabatan Negeri seluruh Kelantan bagi tahun 2016/2017 telah berkuatkuasa pada 15 Januari 2016 dan tamat pada 14 Januari 2017.



PERALATAN PERABOT

Sebanyak 30 item perabot telah dipilih sebagai item kontrak pusat dan pembekal yang disenaraikan adalah :

1. Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
2. Wan Jasa Enterprise
3. G Fiona Resources
4. Perabot Zulkarnain (M) Sdn. Bhd.

Pekeliling Kontrak Pusat Perbendaharaan Negeri Bil.1/2016 bagi membekal, memasang dan menyusun perabot kepada semua Jabatan Negeri seluruh Kelantan bagi tahun 2016/2017 telah berkuatkuasa pada 15 Januari 2016 dan tamat pada 14 Januari 2017.

PERALATAN KOMPUTER

Pada tahun 2016 sebanyak 5 kategori peralatan komputer seperti komputer meja, komputer riba, pencetak hitam/putih, pencetak warna dan pencetak warna All in One telah diputuskan untuk dilaksanakan secara sistem panel dan syarikat panel pembekal yang berjaya dilantik adalah :

1. Global Intelligent Services
2. MKE Resources Sdn. Bhd.
3. Monaliza & Mastura Enterprise Sdn. Bhd.
4. Trio Services Sdn. Bhd.
5. AMCC IT Souq Center
6. Machieoney Enterprise
7. Damar System Intergrator Sdn.Bhd
8. K.R.S Engineering Sdn. Bhd
9. Crystal Timur Computer Sdn. Bhd.
10. D NASA (M) Sdn. Bhd.

Pekeliling Kontrak Pusat Perbendaharaan Negeri Bil. 3/2016 bagi membekal, memasang dan mengujiterima peralatan komputer kepada semua Jabatan Negeri seluruh Kelantan bagi tahun 2016/2017 telah berkuatkuasa pada 14 Februari 2016 dan berakhir pada 13 Februari 2017.

BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN

UNIT PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET

2. PENGURUSAN KEBENARAN BERBELANJA MELEBIHI RM10,000.00

Permohonan kelulusan berbelanja daripada Jabatan yang melebihi RM10,000.00 dan ke atas yang telah diluluskan sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2009 di bawah objek kod mengurus (28000, 29000, 32000, 33000, 34000, 35000), kod tanggungan dan akaun amanah bagi tahun 2016 adalah sebagaimana berikut :

PERKARA	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
Mengurus	26,943,977.64
Pembangunan	81,599,562.89
Pemberian Dalam Negeri	68,015,243.76
Amanah	195,870,026.31
Pendahuluan	287,050.00
Tanggungan	42,295,171.29
Jumlah (RM)	415,011,031.89

3. PENGURUSAN PELUPUSAN ASET NEGERI

Jabatan yang memohon pelupusan aset bagi tahun 2016 :

BIL	JABATAN	BIL. PERMOHONAN
1.	Pejabat Sultan	1
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Menteri Besar	9
3.	Jabatan kerja Raya Negeri Kelantan	1
4.	Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan	2
5.	Pejabat Pembangunan Negeri	1
6.	Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli	2
7.	Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat	1
8.	Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah	1
9.	Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN)	1
10.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan	1
11.	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas	1

UNIT ANALISIS DAN PEMANTAUAN PELABURAN

FUNGSI

- Merancang, mengawal dan menyelenggarakan urusan pelaburan dan rekod-rekod perakaunan pelaburan Kerajaan Negeri.
- Mengkaji dan memantau pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri serta memberi laporan/pandangan kepada pihak pengurusan bagi mempertingkatkan lagi ketelusan dan kemantapan pengurusan kewangan perakaunan yang bersangkutan dengan pelaburan.
- Membantu pihak pengurusan dalam membuat keputusan mengenai pelaburan yang melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri.
- Menganalisis kewangan serta daya maju sesuatu pelaburan untuk dikemukakan bagi pertimbangan Kerajaan Negeri.
- Memperkemas dan mempertingkatkan lagi kawalan ke atas semua pelaburan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri supaya urusan pemantauan pelaburan dibuat lebih rapi dan tersusun.
- Urusetia kepada Jawatankuasa Pemantauan Pelaburan Negeri.

AKTIVITI

- Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaburan Negeri Bil. 1/2016 dan Bil. 2/2016 masing-masing telah diadakan pada 9 Ogos 2016 dan 30 Disember 2016 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri.
- Satu taklimat ringkas mengenai Pelaburan Saham CIMB Private Banking telah diadakan pada 7 September 2016.

BAHAGIAN PENGURUSAN AKAUN



PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Perakaunan diketuai oleh Bendahari Negeri, Gred W54. Bahagian ini terdiri daripada tiga (3) unit utama iaitu Unit Perkhidmatan dan Operasi, Unit Akaun dan Unit Khidmat Perunding SPEKS. Unit Perkhidmatan dan Operasi diketuai oleh Penolong Bendahari Negeri, Gred W41/W44. Manakala Unit Akaun dan Unit Khidmat Perunding SPEKS masing-masing diketuai oleh Penolong Akauntan, Gred W36.

Bahagian Akaun menjalankan fungsi-fungsi sebagaimana berikut :

- menyelenggara Akaun Kerajaan Negeri;
- menyedia Penyata Kewangan Tahunan Kerajaan Negeri;
- membuat pembayaran Kerajaan Negeri;
- membuat pembayaran gaji bulanan pada hari gaji;
- mengakaunkan kutipan hasil Kerajaan Negeri;
- mengurus aliran wang tunai Kerajaan Negeri;
- memberi khidmat nasihat kepada Jabatan Negeri mengenai tatacara perakaunan Kerajaan Negeri;
- mengurus dan memantau pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) di seluruh Jabatan Negeri.



FUNGSI

1. Unit Perkhidmatan dan Operasi

- Menyemak dan meluluskan baucar bayaran bagi perbelanjaan yang dibuat oleh jabatan-jabatan negeri.
- Menguruskan agihan cek-cek bayaran kepada penerima bayaran.
- Menyemak dan meluluskan penyata pemungut bagi kutipan hasil yang dibuat oleh semua Jabatan Negeri.
- Mengurus kaunter.

2. Unit Khidmat Perunding SPEKS

- Menjalankan naziran ke atas Jabatan / Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk memastikan Jabatan / PTJ menyediakan dokumen bayaran dan sokongan yang lengkap serta menyimpan fail bayaran dengan sempurna untuk tujuan audit/rujukan.
- Memastikan semua Jabatan / PTJ mematuhi prosedur bayaran semasa yang diterimapakai.
- Menguruskan pelaksanaan SPEKS secara menyeluruh ke semua Jabatan / PTJ.
- Memastikan perbelanjaan yang dibuat oleh Jabatan/ PTJ diperakaunkan dengan betul dan tepat.
- Memastikan laporan perbelanjaan dicetak, disemak dan dilakukan pelarasan termasuk penyata penyesuaian vot, amanah, hasil dan pembangunan dihantar mengikut jadual.
- Memberi khidmat nasihat dan bantuan sokongan teknikal bagi menjamin kelancaran pelaksanaan sistem SPEKS dan menjalankan latihan.

3. Unit Akaun

- Mengurus bayaran gaji berdasarkan jadual yang ditetapkan.
- Menyelenggara akaun dan menyediakan Penyata Kewangan Tahunan Kerajaan Negeri.
- Mengawal selia pewujudan dan penyelenggaraan Akaun Amanah, Akaun Deposit dan Panjar Wang Runcit.
- Mengurus aliran wang tunai dan pelaburan Kerajaan Negeri.
- Memberi khidmat nasihat kepada semua Jabatan Negeri mengenai tatacara bayaran perbelanjaan dan gaji.
- Menjalankan audit bagi memastikan terimaan hasil / amanah / deposit oleh PTJ mengikut peraturan yang ditetapkan.
- Mengurus dan memantau penggunaan terminal kad di jabatan-jabatan berkaitan.

PRESTASI BAHAGIAN AKAUN

Dokumen Kewangan Yang Diproses oleh
Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan bagi Tahun 2016

Baucar Jurnal
1,436

Waran
1,546

Penyata Pemungut
32,388

Baucar Bayaran
85,719


UNIT PERKHIDMATAN DAN OPERASI

Tanggungjawab utama Unit Perkhidmatan Dan Operasi adalah mengurus bayaran bagi Vot Bekalan, Pembangunan dan Akaun Amanah/Deposit. Selain itu, unit ini bertanggungjawab dalam pengurusan pembayaran gaji dan mengendalikan pengeluaran cek-cek untuk diserahkan kepada penerima mengikut tempoh yang ditetapkan.

Waran Pindah Peruntukan


Waran pindah peruntukan yang telah diproses oleh Unit Perkhidmatan Dan Operasi daripada pelbagai jabatan adalah berjumlah 637 dalam tahun 2016 berbanding 708 pada tahun 2015.

**Waran Pindah Peruntukan Tahun 2016
Berbanding Tahun 2015**



Kaedah Pembayaran

Kaedah pembayaran melalui Electronic Fund Transfer (EFT) sepanjang tahun 2016 adalah berjumlah 88,344 berbanding 81,051 tahun 2015. Kaedah pembayaran melalui cek adalah berjumlah 19,816 pada tahun 2016 berbanding 22,052 pada tahun 2015.



UNIT AKAUN

Unit akaun terbahagi kepada dua (2) Seksyen iaitu :

- Seksyen Akaun


- Seksyen Audit Kira-Kira Tunai

Objektif utama Seksyen Akaun adalah untuk menyelenggara Akaun Kerajaan Negeri seperti pengurusan akaun awam dan pengurusan akaun wang tunai. Seksyen ini bertanggungjawab dalam menyeliakan pelaporan perakaunan, pengurusan akaun amanah dan akaun deposit, memantau penyesuaian bulanan dari jabatan dan pusat tanggungjawab, menyedia penyesuaian bank terimaan dan bank bayaran setiap bulan dan memproses lebihan tunai semasa untuk disimpan ke dalam pelaburan am di bank / institusi kewangan yang diluluskan untuk menerima deposit simpanan tetap (FD).

Penyata Kewangan Negeri Kelantan tahun 2015 telah berjaya disiapkan dan ditandatangani oleh Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri pada 15 Februari 2016.

Prestasi Seksyen Akaun

Rekod tahun 2016 mencatatkan 32,012 penyata pemungut berjumlah RM1,297,896,432.10 telah diproses berbanding tahun sebelumnya iaitu 32,384 berjumlah RM1,015,271,783.21. Resit-resit Perpendaharaan dikeluarkan setelah penyata pemungut diproses sebagai akuan penerimaan kutipan hasil negeri kepada jabatan-jabatan.



Akaun Amanah Disatukan

Seksyen Akaun turut menyelenggara tiga (3) Akaun Amanah Disatukan iaitu :

- Kumpulan Wang Amanah Kerajaan
- Kumpulan Wang Amanah Awam
- Akaun Deposit

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada :

- Kumpulan Wang Pembangunan
- Kumpulan Wang Bekalan Air
- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah ini melibatkan 19 jenis akaun dan baki terkumpul pada 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM88,045,767.02. Pada tahun 2016 terdapat satu Akaun Amanah yang dibuka iaitu :

BIL	AKAUN AMANAH	JABATAN / PEGAWAI PENGAWAL	TARIKH BERKUATKUASA PENUBUHAN
1.	Akaun Amanah Penyelenggaraan Istana Negeri Kelantan	Jabatan Perhutanan Negeri	April 2016

Akaun Deposit

Akaun Deposit ini dibahagikan kepada tiga (3) jenis iaitu :

- Deposit Am
- Deposit Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)
- Deposit Pengambilan Balik Tanah

Wang Deposit adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud sudah dicapai. Baki terkumpul pada 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM437,923,914.45.

BAHAGIAN PENGURUSAN AKAUN

UNIT AKAUN

Berikut adalah kedudukan pencapaian dan perbandingan jumlah deposit yang dipegang oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015 dan 2016 :

DEPOSIT	TAHUN		BEZA (RM)	% (+ / -)
	2015 (RM)	2016 (RM)		
Deposit Am	394,640,637.27	393,842,232.03	(798,405.24)	-0.20
Deposit Pengambilan Balik Tanah (PBT)	27,570,664.07	43,799,194.16	16,228,530.09	+58.86
Deposit Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	308,055.26	282,488.26	(25,567.00)	-8.30
JUMLAH	422,519,356.60	437,923,914.45	53,034,644.41	+14.35

Seksyen Audit Kira-Kira Wang Tunai

Sejumlah 102 jabatan/pejabat berada di bawah kawalan unit ini. Jumlah penyata pemungut yang diterima untuk auditan Kira-Kira Wang Tunai (KKWT) bagi tahun 2016 ialah sebanyak 1,224 yang mana kesemuanya telah berjaya disemak.

Prestasi Pengauditan Penyata KKWT Tahun 2016

PERKARA	BILANGAN
Jumlah Pejabat Pemungut	102
Jumlah Penyata KKWT Terkumpul	1,224
Jumlah Penyata KKWT Terkumpul Disemak	1,224

Secara keseluruhannya lawatan berkala yang telah dijalankan adalah memuaskan. Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian oleh PTJ adalah seperti berikut:

- Pengemaskinian surat kuasa / kebenaran bertulis (AP69).
- Pengemaskinian penyata pungutan harian dan Buku Lawatan Mengejut (AP309).
- Pendedahan mengenai tatacara pengurusan kewangan yang betul di Unit Pungutan Hasil.

UNIT KHIDMAT PERUNDING SPEKS

Unit ini ditubuhkan bagi menjalankan naziran ke atas PTJ Bayaran bagi memastikan semua PTJ di Negeri Kelantan menjalankan kerja-kerja perakaunan mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa. Naziran telah dilakukan kepada 67 buah PTJ terpilih dan isu-isu utama yang telah dikenalpasti semasa naziran dijalankan adalah ketidakpatuhan terhadap pemakaian pekeliling, kekurangan pemantauan dan pengawasan kerja-kerja perakaunan dari pegawai atasan, ketidaksempurnaan penyelenggaraan rekod kewangan, kurang kemahiran dan pengetahuan kakitangan dalam pengurusan kewangan serta berlakunya pertukaran pegawai/kakitangan yang berpengalaman dalam hal-hal kewangan.

Unit ini juga terlibat dalam Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri yang sekarang ini mengamalkan Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai. Pelaksanaan Perakaunan Akruan ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara Tahun 2013 pada 30 Julai 2013.

Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan mampan di peringkat Kerajaan Negeri, Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri dan Pasukan Petugas Perakaunan Akruan Negeri telah ditubuhkan pada Julai 2013. Ini adalah untuk memastikan kerja-kerja pemantauan dan pengumpulan data aset berjalan dengan lancar. Mesyuarat Pelaksanaan Perakaunan Akruan telah dijalankan sebanyak 2 kali iaitu pada 24 Jun 2016 dan 16 Disember 2016 manakala Mesyuarat Petugas Perakaunan Akruan telah dijalankan sebanyak 6 kali iaitu pada 25 Februari 2016, 15 April 2016, 17 Jun 2016, 19 Ogos 2016, 21 Oktober 2016 dan 9 Disember 2016.

Rumusan laporan pengumpulan data aset sehingga 31 Disember 2016 adalah sebagaimana berikut :

KATEGORI ASET	BILANGAN ASET YANG DIKENALPASTI	BILANGAN ASET YANG MENUNGGU JAWAPAN DARI JPPH	BILANGAN ASET YANG SELESAI (TERMASUK MAKLUMAT DAN KOS ASET)	NILAI BUKU BAKI AWAL ASET YANG TELAH SELESAI (RM)
Tanah	1,137	46	1,091	RM782,086,000.00
Bangunan	550	192	358	RM130,272,000.00
Kerja dan Infrastruktur	615	N/A	615	RM10,793,749,600.00
Aset dalam Pembinaan	5	N/A	0	RM349,446,810.07
Jumlah	2,307	238	2,064	RM12,055,554,410.07

Mesyuarat MBJ di Sarawak pada 21-23 Januari 2016



Jamuan Persaraan Kakitangan pada 25 Januari 2016



Perhimpunan Warga Perbendaharaan Negeri pada 25 Januari 2016



Majlis Perpisahan Bendahari Negeri pada 25 Februari 2016



Indoor Games pada 2 April 2016



Program Pemeriksaan Kesihatan pada 3 April 2016



Bacaan Surah Yasin Untuk Allahyarhamah Sarimah Abd Ghani pada 17 April 2016



Kursus Keselamatan Perlindungan Jabatan pada 18 April 2016



Program Membaca 10 Minit pada 25 April 2016



Hari Keluarga di Taman Tema Lost World of Tambun, Ipoh, Perak pada 29 April - 1 Mei 2016



Kursus Asas Perakaunan Akruan Dan Pengenalan Kepada Malaysia Public Sector Accounting (MPSAS) pada 10 Mei 2016



Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2015 pada 29 Mei 2016



Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan pada 30 Mei 2016



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Perpendaharaan Negeri pada 1 Ogos 2016



Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang pada 16 Ogos 2016



Jamuan Persaraan Kakitangan pada 24 Ogos 2016



Perbarisan Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan 2016 pada 31 Ogos 2016



Perhimpunan Warga Perbendaharaan Negeri pada 1 September 2016



Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2016



Lawatan Pegawai Tadbir Negeri (PTN) Lantikan Baru ke Perbendaharaan Negeri pada 12 Oktober 2016



Mesyuarat 1SPEKS pada 28 November 2016



*Penghargaan
Pengerusi dan semua
Ahli Jawatankuasa
Laporan Tahunan 2016
Perbendaharaan Negeri Kelantan
merakamkan setinggi-tinggi
penghargaan dan terima kasih
kepada semua pihak yang terlibat
secara langsung maupun
tidak langsung dalam
menyumbangkan masa,
idea dan tenaga dalam penerbitan
Laporan Tahunan 2016 ini.*

BADAN REDAKSI

Editorial Team

Mohammad Yusoff Hassan
Roslan Yahya
Sofian Amir Che Soh
Wan Illy Liana Wan Mat
Iznan Ismail
Zalifah Zulkifli
Norshafini Md. Saidan

Wan Azila Wan Abdullah
Ahmad Irfan Ismail
Fauziah Mat Ail
Nurul Atfi Aisyah Mansor
Ruslina Ibrahim
Muhammad Faiz Abdul Aziz
Siti Nor Zuhairah Nazri



PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN

Blok 4, Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan
Email : treasury@kelantan.gov.my | Web : www.pkn.kelantan.gov.my
Tel : 09-748 1957 samb. 4204 | Fax : 09-748 7113